

# Pengaruh Kepimpinan Instruksional, Kecerdasan Emosi dan Personaliti Guru Besar Terhadap Prestasi Kerja Guru Sekolah Rendah di Sabah

## *The Effect of Instructional Leadership, Emotional Intelligence and Headmaster's Personality Towards Primary Schools Teachers' Job Performance in Sabah*

Abdul Said Ambotang<sup>1</sup>, Rosdah Herawaty Hamid<sup>2</sup>

<sup>1,2</sup> Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah

Article progress

Accepted: 24 February 2021

Reviewed: 2 March 2021

Published: 1 June 2021

\*Corresponding author:

Abdul Said Ambotang  
Fakulti Psikologi dan  
Pendidikan, Universiti  
Malaysia Sabah;  
Email: [said@ums.edu.my](mailto:said@ums.edu.my)

**Abstrak:** Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti hubungan dan pengaruh kepimpinan instruksional, kecerdasan emosi dan personaliti guru besar terhadap prestasi kerja guru sekolah rendah di negeri Sabah. Seramai 419 orang responden telah dipilih dalam kalangan guru dari lima puluh buah sekolah rendah di negeri Sabah yang dipilih secara rawak menggunakan kaedah pensampelan rawak berstrata. Data Kajian diperoleh menggunakan soal selidik tertutup mengandungi 88 item yang diubah suai daripada instrumen *Principal Instructional Management Rating Scale (PIMRS)*, *Emotional Quotient Inventory (EQ-I)*, *Trait Emotional Intelligence Questionnaire – Short Form (TEIQue-S)*, *Emotional Spiritual Quotient (ESQ)*, *Emotional Intelligence Scale (EIS)*, *NEO Five-Factor Inventory (NEO FFI)* dan prestasi kerja oleh Iran Herman dan Fatimah Wati Halim. Data kajian dianalisis menggunakan perisian *Statistical Packages for Social Sciences (SPSS)*. Ujian Korelasi Pearson bagi ketiga-tiga variabel menunjukkan wujud hubungan signifikan secara positif dengan prestasi kerja guru. Analisis regresi menunjukkan ketiga-tiga variabel turut memberi pengaruh yang signifikan terhadap prestasi kerja guru. Berdasarkan data empirikal yang dibincangkan, kajian ini boleh dijadikan panduan oleh semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam bidang pendidikan dan penyelidikan dalam meningkatkan prestasi kerja guru di sekolah rendah.

**Kata kunci:** Kepimpinan instruksional, kecerdasan emosi, personaliti, prestasi kerja

**Abstract:** This study aimed to identify the relationship and effects of instructional leadership, emotional intelligence and headmaster's personality towards primary schools teachers' job performance in Sabah. A number of 419 respondents from 50 primary schools in Sabah were chosen randomly using Stratified Random Sampling method. The results gained using closed questionnaire that contained 88 items which was modified from *Principal of Instructional Management Rating Scale (PIMRS)*, *Emotional Quotient Inventory (EQ-I)*, *Trait Emotional Intelligence Questionnaire – Short Form (TEIQue-S)*, *Emotional Spiritual Quotient (ESQ)*, *Emotional Intelligence Scale (EIS)*, *NEO Five-Factor Inventory (NEO FFI)* and job performance by Iran Herman and Fatimah Wati Halim. The data was analysed using *Statistical Packages for Social Sciences (SPSS)*. Thus, *Pearson Correlation Test* for the variables showed that there is significant positive connection with teacher's job performance. The regression analysis also showed that all the variables has significantly affect the teacher's job performance. In regard of the empirical data as discussed, this study

*could be used as a guide by party of interest in the field of educations or studies to improve teacher's job performance in primary school.*

**Keywords:** *Instructional leadership, motional intelligence, personality, job performance*

## Pengenalan

Dalam usaha mentransformasikan sistem pendidikan bertaraf dunia, sistem pendidikan di Malaysia telah mula mengorak langkah besar dengan terhasilnya Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 - 2025. Anjakan ke-4 dalam PPPM adalah memperluas laluan guru untuk peranan kepimpinan, pakar pengajaran dan pakar bidang menjelang 2016 dan anjakan ke 5 ialah memastikan kepimpinan berprestasi tinggi ditempatkan di institusi pendidikan yang merupakan antara perkara yang dititikberatkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) selaras dengan perkembangan semasa dunia iaitu negara berusaha untuk berubah daripada negara berpendapatan rendah ke arah negara berpendapatan tinggi.

Zuraidah Abdullah (2016), menegaskan bahawa sekolah yang berjaya adalah merujuk kepada kepimpinan sekolah yang dinamik. Kepimpinan dilihat sebagai perhubungan yang dinamik antara individu dengan ahli-ahli kelompok dalam kumpulan serta persekitarannya. Ia juga merupakan satu proses yang mana individu lain dipengaruhi untuk mencapai matlamat yang menjadi asas kepada kecemerlangan (Nur Syariaah & Mohamed Yusoff, 2017). Oleh itu, guru besar selaku pemimpin sekolah perlu memastikan guru di bawah seliaannya menunjukkan prestasi cemerlang, produktiviti dalam bidang pendidikan (Danielle & Mohd. Khairuddin, 2017).

## Latar Belakang Kajian

Kajian ini menumpukan empat konstruk utama iaitu kepimpinan instruksional, kecerdasan emosi, personaliti dan prestasi kerja. Sorotan literatur dalam bidang kepimpinan telah sekian lama akur dengan hakikat bahawa pemimpin sekolah yang berperanan menentukan kejayaan sebuah sekolah (Abdul Ghani Kanesan Abdullah, Ekerim A/P Din Chen & Ying Leh Ling, 2019). Faktor utama yang mengetuai perubahan dan kecemerlangan sekolah ialah daya kepimpinan yang diamalkan dalam organisasi (Karim, 2011). Abdul Syukor (2004) pula, menyatakan bahawa fokus utama

pendidikan ialah memastikan sistem persekolahan negara berfungsi dengan berkesan, oleh itu, pemimpin sekolah perlu memainkan watak utama dalam melaksanakan pembangunan pendidikan negara bak kata pepatah "*The Principals set the bearing and tone of the school*", tambahan pula dalam menghadapi era globalisasi dan meletakkan pendidikan Malaysia pada taraf "world class education" melalui kecemerlangan pelajar (Shafinaz, 2017).

Kepimpinan selalunya berkaitan dengan kemahiran dan gaya kepimpinan yang dimiliki oleh seseorang pemimpin (Hussein Ahmad, 2007). Pemimpin yang berkesan adalah pemimpin yang mengamalkan kepimpinan instruksional kerana kepimpinan instruksional yang dipamerkan oleh guru besar adalah perkara yang dianggap penting dalam memacu sekolah ke arah sekolah berkesan (Mohd. Yusri Ibrahim, & Aziz Amin, 2014; Jamelaa Bibi, 2012; Hallinger, 2011). Dalam setiap transformasi yang berkaitan dengan sistem pendidikan di Malaysia, kepimpinan instruksional merupakan antara yang dititikberatkan untuk dilaksanakan. Hoy & Hoy (2003) menguatkan lagi kepentingan kepimpinan instruksional dengan menyatakan bahawa fungsi utama sekolah diwujudkan adalah berkaitan proses pengajaran dan pembelajaran, manakala yang lain adalah aspek yang kedua.

Kepimpinan instruksional dilihat realistik dan mampu menjadi indikator penentu kepada kecemerlangan pendidikan yang dihasratkan. Seseorang pemimpin sekolah harus bijak dan bersedia melaksanakan peranan utama mereka sebagai pemimpin instruksional di sekolah. Kajian yang terdahulu membuktikan bahawa elemen terpenting yang menentukan sama ada guru besar sebagai pemimpin di sekolah itu boleh dikategorikan sebagai efektif atau tidak adalah melalui kemampuan untuk melaksanakan tugas sebagai pemimpin instruksional (Hallinger, 2012; Ishak Sin, 2004; Leithwood & Levin, 2010; Simin, Mohammed Sani, Chellapan, Sukumaran, & Subramaniam, 2015).

Di antara kemahiran yang perlu bagi seorang guru besar ialah kemahiran sebagai pemimpin instruksional dan kemahiran mengawal serta mengurus emosi yang membolehkan seseorang guru besar itu mempengaruhi

guru melaksanakan tugas pengajaran dengan berkesan (Shafinaz et al., 2017). Amalan kepimpinan wujud dalam konteks sosial dan pemimpin yang berkesan memerlukan kecerdasan emosi yang tinggi (Goleman, 2001). Hallinger (2012) yang merupakan antara pelopor bagi kepimpinan instruksional turut menyatakan kombinasi antara kemahiran interpersonal dan intrapersonal membantu dalam keberkesanan pembangunan guru besar sebagai pemimpin instruksional.

Selaras dengan situasi ini, setiap individu hendaklah mengurus emosi mereka dengan baik, setiap individu harus faham dan peka mengenai perbezaan yang wujud antara individu lain. Perbezaan individu ini boleh dilihat berdasarkan ciri dan tingkah laku yang dimiliki oleh seseorang yang dihuraikan sebagai personaliti (Maccoby, 2009). Personaliti merupakan tonggak utama dalam melahirkan pemimpin sekolah yang berkualiti dalam menghadapi kompleksiti dalam pendidikan masa kini (Shariffah Sebran Jamila Syed Imam, Mohameed Sani Ibrahim, Mohd Izham Hamzah & Hairuddin Mohd Ali, 2013). Sehubungan itu, personaliti yang dimiliki oleh pemimpin didapati mempengaruhi tingkah laku kepimpinan yang merupakan adunan utama bagi melahirkan pemimpin pendidik yang konsisten (Nurul Hudani et al., 2013).

Bidang pendidikan dilihat sebagai salah satu aspek yang paling penting ke arah melahirkan generasi akan datang bagi mendukung dan mentadbir negara dari segi intelek, emosi, rohani dan jasmani yang stabil (Shafinaz et al., 2017). Sekolah sebagai sebuah organisasi sosial merupakan pusat pendidikan bagi melahirkan generasi masa hadapan yang cemerlang (Baharuzaini et al., 2016). Sekolah dipimpin oleh seorang guru besar dan mempunyai ahli yang terdiri daripada guru serta pelajar. Guru memerlukan seorang pemimpin yang mampu menyuntik semangat dan motivasi untuk lebih efektif dalam pengajaran. Pelajar pula amat bergantung kepada guru bagi memperoleh pengetahuan dan kemahiran (Shafinaz, 2017).

Dalam konteks Malaysia, menurut Syed Ismail & Ahmad Subki (2010), sistem pendidikan dapat mencapai matlamat apabila guru yang berkualiti dapat dihasilkan. Hal ini kerana pencapaian pelajar yang cemerlang adalah bergantung kepada keberkesanan sistem pengajaran yang diguna pakai oleh guru mereka (Adeyemi, 2010). Sehubungan dengan itu, guru adalah aset yang sangat berharga dalam sistem pendidikan bagi mana-mana negara sekali pun. Hal ini kerana, peranan guru adalah sangat penting demi memastikan pencapaian objektif dalam proses persekolahan secara amnya serta proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara khususnya (Mohamad Johdi, 2007).

Menurut Saedah & Mohammed Sani (2012), tanpa penglibatan dan sokongan daripada kaum guru, segala perancangan pendidikan yang telah disediakan akan terbengkalai begitu sahaja. Ololube (2006) mengatakan bahawa pencapaian matlamat pendidikan dalam mana-mana masyarakat secara dasarnya berkait rapat dengan prestasi kerja guru dalam masyarakat itu. Sebagai input utama dalam kualiti pendidikan, prestasi kerja guru telah digariskan secara meluas sebagai faktor kritikal yang mempengaruhi kualiti pendidikan (Mekonnen, 2014). Nadeemet al. (2011) pula mengatakan bahawa dalam keseluruhan sistem pendidikan, prestasi kerja guru merupakan salah satu faktor penyumbang dalam menentukan keberkesanan sekolah dan hasil pembelajaran.

Daripada perbincangan ini juga, didapati terdapat keperluan untuk mengkaji pengaruh kepimpinan instruksional, kecerdasan emosi dan personaliti guru besar terhadap prestasi kerja guru sekolah rendah di negeri Sabah. Selain itu, hubungan kepimpinan instruksional, kecerdasan emosi dan personaliti guru besar terhadap prestasi kerja guru juga dikaji. Penelitian kesemua faktor dinilai secara terperinci untuk menentukan tindakan dan strategi yang boleh diambil untuk merapatkan jurang perbezaan sekiranya wujud.

## Objektif Kajian

Secara khususnya objektif kajian ini adalah untuk;

- a) Mengetahui hubungan kepimpinan instruksional guru besar dengan prestasi kerja guru sekolah rendah di negeri Sabah.
- b) Mengetahui hubungan kecerdasan emosi guru besar dengan prestasi kerja guru sekolah rendah di negeri Sabah.
- c) Mengetahui hubungan personaliti guru besar dengan prestasi kerja guru sekolah rendah di negeri Sabah.
- d) Mengetahui pengaruh kepimpinan instruksional, kecerdasan emosi, personaliti guru besar terhadap prestasi kerja guru sekolah rendah di negeri Sabah.

## Reka Bentuk Kajian

Penyelidikan ini berbentuk kajian kuantitatif dengan menggunakan reka bentuk tinjauan yang menggunakan kaedah pensampelan rawak berstrata. Reka bentuk pendekatan kuantitatif dipilih untuk kajian ini kerana menurut Creswell (2014) kaedah kuantitatif dengan menggunakan ujian analisis korelasi Pearson adalah sesuai untuk menjelaskan hubungan antara pemboleh ubah dalam kajian dan ujian analisis regresi berganda untuk menguji bagaimana sesuatu pemboleh ubah itu

mempengaruhi pemboleh ubah yang lain serta mengetahui adakah sesuatu faktor itu merupakan jangkaan kepada sesuatu hasil? (Gay, Mills & Airasian, 2012). Menurut Ghazali & Sufean (2016) kajian kuantitatif merujuk kepada kajian yang dapatannya dihasilkan dengan menggunakan analisis statistik dalam bentuk angka manakala kajian deskriptif digunakan kerana kajian ini berbentuk tinjauan dan pengumpulan data melalui soal selidik.

Kajian deskriptif yang digunakan melalui borang soal selidik yang melibatkan variabel bebas kepimpinan instruksional, kecerdasan emosi, personaliti manakala variabel bersandar prestasi kerja. Bagi mendapatkan kebolehpercayaan instrumen kajian, ciri-ciri demografi guru yang terlibat dalam penyelidikan ini diberi perhatian yang khusus oleh penyelidik. Justeru, reka bentuk dalam kajian ini dibuat bersesuaian dengan objektif, persoalan kajian, saiz populasi dan sampel kajian.

### Dapatan Kajian

- a) Hubungan kepimpinan instruksional guru besar dengan prestasi kerja guru sekolah rendah di negeri Sabah.

Ujian korelasi Pearson (*Pearson Product-moment*) digunakan bagi menganalisis hubungan antara dua pemboleh ubah kajian iaitu untuk mengetahui hubungan antara kepimpinan instruksional guru besar dan prestasi kerja guru sekolah rendah di negeri Sabah. Ujian korelasi ini juga turut digunakan bagi menguji hipotesis pertama kajian iaitu:

*Ho1*: Tidak terdapat hubungan yang signifikan kepimpinan instruksional guru besar dengan prestasi kerja guru sekolah rendah di negeri Sabah.

**Jadual 1:** Korelasi Kepimpinan Instruksional dengan Prestasi Kerja

Variabel	Pearson Correlation	Sig (2-tailed)	N
Kepimpinan Instruksional	.725**	.000	419

*Nota:*\*\*korelasi adalah signifikan pada tahap  $p < .01$

Analisis korelasi Pearson telah digunakan bagi menentukan hubungan konstruk kepimpinan instruksional dengan prestasi kerja pada aras signifikan  $p < 0.05$ . Jadual 1, menunjukkan hasil analisis korelasi Pearson's  $r$  antara variabel tidak bersandar kajian iaitu

kepimpinan instruksional. Analisis menunjukkan variabel kepimpinan instruksional mempunyai nilai  $r = 0.725$  Sig. (2-tailed) = 0.00 ( $p < 0.01$ ). Berdasarkan analisis ini, korelasi variabel kajian menunjukkan nilai  $p=0.00$  ( $p < 0.01$ ). Oleh yang demikian terdapat bukti yang kukuh untuk menolak hipotesis nol kajian *Ho1*.

Dapatan ini menunjukkan terdapat hubungan antara kepimpinan instruksional guru besar dengan prestasi kerja guru sekolah rendah di negeri Sabah. Kekuatan nilai pekali korelasi berada pada aras yang kuat. Ini bermakna, hipotesis *Ho1* ditolak kerana telah terbukti terdapat hubungan yang signifikan antara kepimpinan instruksional guru besar dengan prestasi kerja guru sekolah rendah di negeri Sabah.

- b) Hubungan kecerdasan emosi guru besar dengan prestasi kerja guru sekolah rendah di negeri Sabah.

Analisis bagi mengkaji hubungan antara kecerdasan emosi guru besar dan prestasi kerja guru telah dijalankan menggunakan Ujian Korelasi Pearson. Ujian Korelasi ini juga turut dijalankan bagi menguji hipotesis kedua kajian iaitu:

*Ho2*: Tidak terdapat hubungan yang signifikan kecerdasan emosi guru besar dengan prestasi kerja guru sekolah rendah di negeri Sabah.

**Jadual 2:** Korelasi Kecerdasan Emosi dengan Prestasi Kerja

Variabel	Pearson Correlation	Sig (2-tailed)	N
Kecerdasan Emosi	.750**	.000	419

*Nota:*\*\*korelasi adalah signifikan pada tahap  $p < .01$

Analisis korelasi Pearson telah digunakan bagi menentukan hubungan konstruk kecerdasan emosi dengan prestasi kerja pada aras signifikan  $p < 0.05$ . Jadual 2, menunjukkan hasil analisis korelasi Pearson antara variabel tidak bersandar kajian iaitu kecerdasan emosi. Analisis menunjukkan variabel kecerdasan emosi mempunyai nilai  $r = 0.750$  Sig. (2-tailed) = 0.00 ( $p < 0.01$ ). Berdasarkan analisis ini, korelasi variabel kajian menunjukkan nilai  $p=0.00$  ( $p < 0.01$ ). Oleh yang demikian terdapat bukti yang kukuh untuk menolak hipotesis nol kajian *Ho2*.

Dapatan ini menunjukkan terdapat hubungan antara kecerdasan emosi guru besar dengan prestasi kerja guru sekolah rendah di negeri Sabah. Kekuatan nilai pekali korelasi juga berada pada aras yang kuat. Ini bermakna,

hipotesis *Ho2* ditolak kerana telah terbukti terdapat hubungan yang signifikan antara kecerdasan emosi guru besar dengan prestasi kerja guru sekolah rendah di negeri Sabah.

c) Hubungan antara personaliti guru besar dengan prestasi kerja guru sekolah rendah di negeri Sabah.

Ujian korelasi Pearson digunakan bagi menganalisis hubungan antara personaliti guru besar dan prestasi kerja guru sekolah rendah di negeri Sabah. Analisis juga dijalankan bagi menguji hipotesis ketiga kajian iaitu:

*Ho3*: Tidak terdapat hubungan yang signifikan Personaliti guru besar dengan prestasi kerja guru sekolah rendah di negeri Sabah.

**Jadual 3:** Korelasi antara Personaliti dengan Prestasi Kerja

Variabel	Pearson Correlation	Sig (2-tailed)	N
Personaliti	.751**	.000	419

*Nota:*\*\*korelasi adalah signifikan pada tahap  $p < .01$

Analisis korelasi Pearson telah digunakan bagi menentukan hubungan konstruk personaliti dengan prestasi kerja pada aras signifikan  $p < 0.05$ . Jadual 3, menunjukkan hasil analisis korelasi Pearson antara variabel tidak bersandar kajian iaitu personaliti. Analisis menunjukkan variabel personaliti mempunyai nilai  $r = 0.751$  Sig. (2-tailed) = 0.00 ( $p < 0.01$ ). Berdasarkan analisis ini, korelasi variabel kajian menunjukkan nilai  $p=0.00$  ( $p < 0.01$ ). Oleh yang demikian terdapat bukti yang kukuh untuk menolak hipotesis nol kajian *Ho3*.

Dapatan ini menunjukkan terdapat hubungan antara personaliti guru besar dengan prestasi kerja guru sekolah rendah di negeri Sabah. Kekuatan nilai pekali korelasi berada pada aras yang kuat. Ini bermakna, hipotesis *Ho3* ditolak kerana telah terbukti terdapat hubungan yang signifikan antara personaliti guru besar dengan prestasi kerja guru sekolah rendah di negeri Sabah.

Pengaruh kepimpinan instruksional, kecerdasan emosi, personaliti guru besar terhadap prestasi kerja guru sekolah rendah di negeri Sabah.

Analisis bagi mengkaji pengaruh antara kepimpinan instruksional, kecerdasan emosi, personaliti guru besar terhadap prestasi kerja guru telah dijalankan menggunakan Ujian Regresi berganda. Ujian regresi ini juga turut dijalankan bagi menguji hipotesis keempat-kemudian kajian iaitu:

*Ho4*: Terdapat pengaruh yang signifikan kepimpinan instruksional, kecerdasan emosi, personaliti terhadap prestasi kerja guru sekolah rendah di negeri Sabah.

Hipotesis kajian *Ho4* adalah untuk menentukan sama ada wujud pengaruh dan sekuat mana pengaruh item-item peramal kepimpinan instruksional, kecerdasan emosi, personaliti guru besar terhadap variabel bersandar prestasi kerja guru. Ujian ini mengambil kira tiga variabel bebas dan satu variabel bersandar iaitu kepimpinan instruksional, kecerdasan emosi, personaliti terhadap prestasi kerja.

Prosedur ujian analisis regresi berganda digunakan untuk meramal dan menerangkan nilai antara satu variabel bersandar dengan beberapa variabel bebas. Analisis ini juga akan menunjukkan sekuat mana pengaruh variabel peramal kepimpinan instruksional, kecerdasan emosi dan personaliti terhadap prestasi kerja.

Hasil analisis data menunjukkan ketiga-tiga variabel bebas iaitu kepimpinan instruksional, kecerdasan emosi dan personaliti mempunyai pengaruh yang signifikan dengan variabel bersandar prestasi kerja. Variabel bebas personaliti mempunyai pengaruh yang paling tinggi dengan variabel bersandar kajian ( $r$  square = 0.564,  $p < 0.05$ ) diikuti oleh variabel kecerdasan emosi ( $r$  square = 0.563,  $p < 0.05$ ) dan seterusnya variabel kepimpinan instruksional ( $r$  square = 0.526,  $p < 0.05$ ). Hasil analisis ujian regresi data kajian bagi ketiga-tiga variabel ditunjukkan seperti berikut.

**Jadual 4:** Analisis Pengaruh Kepimpinan Instruksional, Kecerdasan Emosi, Personaliti Terhadap Prestasi Kerja.

Variabel	R	R Square	Adjusted R Square	Std. Error of the Estimate	Sig F
<b>Kepimpinan Instruksional</b>	.725 <sup>a</sup>	.526	.525	.26399	.000
<b>Kecerdasan Emosi</b>	.750 <sup>a</sup>	.563	.56	.25360	.000
<b>Personaliti</b>	.751 <sup>a</sup>	.564	.563	.25326	.000

Hasil analisis mendapati bahawa kepimpinan instruksional guru besar mempengaruhi prestasi kerja guru adalah signifikan dengan nilai  $R$  square = .526. Nilai varian  $R$  square .526 menunjukkan bahawa 52.6% daripada perubahan keseluruhan prestasi kerja guru adalah dipengaruhi oleh faktor kepimpinan instruksional guru besar. Manakala, 47.4% prestasi kerja guru

dipengaruhi oleh faktor-faktor lain. Dapatan ini menunjukkan terdapat pengaruh antara kepimpinan instruksional guru besar dengan prestasi kerja guru sekolah rendah di negeri Sabah. Ini bermakna, terdapat pengaruh yang signifikan antara kepimpinan instruksional guru besar dengan prestasi kerja guru sekolah rendah di negeri Sabah.

Analisis yang dijalankan mendapati bahawa kecerdasan emosi guru besar mempengaruhi prestasi kerja guru adalah signifikan dengan nilai  $R^2 = .563$ . Nilai varian  $R^2 = .563$  menunjukkan bahawa 56.3% daripada perubahan keseluruhan prestasi kerja guru adalah dipengaruhi oleh faktor kecerdasan emosi guru besar. Manakala, 43.7% prestasi kerja guru mungkin dipengaruhi oleh faktor-faktor lain. Dapatan ini menunjukkan terdapat pengaruh antara kecerdasan emosi guru besar dengan prestasi kerja guru sekolah rendah di negeri Sabah. Ini bermakna, pengaruh yang signifikan antara kecerdasan emosi guru besar dengan prestasi kerja guru sekolah rendah di negeri Sabah.

Hasil analisis mendapati bahawa personaliti guru besar mempengaruhi prestasi kerja guru adalah signifikan dengan nilai  $R^2 = .564$ . Nilai varian  $R^2 = .564$  menunjukkan bahawa 56.4% daripada perubahan keseluruhan prestasi kerja guru adalah dipengaruhi oleh faktor personaliti guru besar. Manakala, 43.6% prestasi kerja guru mungkin dipengaruhi oleh faktor-faktor lain. Dapatan ini menunjukkan terdapat pengaruh antara personaliti guru besar dengan prestasi kerja guru sekolah rendah di negeri Sabah. Ini bermakna, terdapat pengaruh yang signifikan antara personaliti guru besar dengan prestasi kerja guru sekolah rendah di negeri Sabah.

Secara keseluruhannya, dapat dibuat kesimpulan berdasarkan persepsi guru di negeri Sabah bahawa terdapat pengaruh yang signifikan di antara ketiga-tiga variabel bebas kepimpinan instruksional, kecerdasan emosi dan personaliti guru besar terhadap prestasi kerja guru. Kepimpinan instruksional, kecerdasan emosi dan personaliti guru besar dibuktikan mempengaruhi prestasi kerja guru.

## Perbincangan

Guru besar yang melaksanakan peranan sebagai pemimpin instruksional perlu merancang, melakukan pentaksiran, pemerhatian dan penilaian bagi memastikan perkembangan guru dan keberkesanan proses pengajaran dalam bilik darjah (Glickman, Gordon & Roos-Gordon, 2007). Guru besar yang mengamalkan kepimpinan instruksional dengan berkesan terbukti mampu memupuk semangat serta motivasi kepada guru dalam pengajaran, bertindak sebagai motivator dan pembina pasukan (Richards, 2005). Ini adalah kerana menurut Simin et al., (2015),

guru besar yang mengamalkan kepimpinan instruksional berupaya mempengaruhi tingkah laku dan prestasi kerja guru.

Guru Besar yang berkesan merupakan petunjuk utama kepada kecemerlangan pencapaian pelajar. Pemimpin yang bijak akan berjaya memberi kesan secara positif kepada pelajar, guru dan komuniti sekolah (Marzano, Waters & McNulty, 2005; Moore, 2009). Hallinger (2003) mengatakan bahawa pemimpin instruksional yang berkesan adalah gabungan antara kemahiran interpersonal dan intrapersonal yang dikuasai oleh pemimpin. Kedua-dua kemahiran ini sangat diperlukan oleh pemimpin sekolah dalam mewujudkan hubungan yang positif, saling menghormati dan berkerjasama dalam memastikan pencapaian dan kecemerlangan organisasi.

Ashley (2010), Clark (2009), Horton (2013), Jameela (2012), Mohd Nor (2005), Mohd Nor & Mohamad (2013), Mohd Yusri & Aziz (2014), Munroe (2009) mengatakan kepimpinan instruksional secara signifikan mempengaruhi prestasi dan kecemerlangan organisasi. Justeru, dalam kajian ini dapat dibuktikan bahawa kepimpinan instruksional guru besar mempunyai hubungan signifikan terhadap prestasi kerja guru. Kajian ini juga mendapati bahawa kepimpinan instruksional guru besar signifikan mempengaruhi prestasi kerja guru sekolah rendah di negeri Sabah.

Kebolehan untuk memimpin orang lain dalam persekitaran tempat kerja bermula dengan tahap kecerdasan emosi pemimpin yang tinggi (Bradberry & Greaves, 2003; Goleman et al., 2002). Seseorang individu yang mempunyai kecerdasan emosi yang tinggi merupakan seorang pemimpin yang berkesan berbanding pemimpin yang mempunyai tahap kecerdasan emosi yang rendah (Cherniss & Goleman, 2005).

Kebolehan untuk memimpin orang lain dalam persekitaran tempat kerja bermula dengan tahap kecerdasan emosi pemimpin yang tinggi (Bradberry & Greaves, 2003; Goleman et al., 2002). Seseorang individu yang mempunyai kecerdasan emosi yang tinggi merupakan seorang pemimpin yang berkesan berbanding pemimpin yang mempunyai tahap kecerdasan emosi yang rendah (Cherniss & Goleman, 2005).

## Kesimpulan

Secara keseluruhannya, terdapat tiga peranan utama guru besar sebagai pemimpin instruksional yang perlu diamalkan iaitu mendefinisikan Misi sekolah, mengurus program instruksional dan menggalakkan iklim sekolah agar guru boleh melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran dengan berkesan. Kebolehan guru besar mengenal pasti dan mengurus emosi memberikan impak kepada prestasi kepimpinan instruksional guru besar.

Dimensi kesedaran sendiri, pengurusan sendiri, kesedaran sosial dan pengurusan perhubungan yang dimiliki oleh guru besar merupakan petunjuk kepada kecemerlangan serta keberkesanan kepimpinan mereka. Personaliti pemimpin didapati mampu menyumbang kepada keberkesanan gaya kepimpinan dalam kalangan pemimpin yang memberi kesan terhadap pencapaian prestasi kerja dalam organisasi. Dimensi kehematan, keterbukaan, extraversi dan kesetujuan yang diamalkan dapat menggambarkan kewibawaannya dalam menerajui organisasi dengan berketerampilan positif dalam semua urusan pentadbiran.

## Rujukan

- Abdul Rahman Aziz. (2001). *Motivasi dan pembangunan diri*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn Bhd.
- Abdul Rashid Abdul Aziz, Amin Al Haadi Shafie, Umi Hamidaton Mohd Soffian Lee & Raja Nur Syafiqah Raja Ashaari. (2020). Strategi pembangunan aspek kesejahteraan sendiri bagi mendepani tekanan akademik semasa wabak COVID-19. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 5(12), 16 - 30. <https://doi.org/https://doi.org/10.47405/mjssh.v5i12.594>
- Abdul Rashid Abdul Aziz, Nurhafizah Mohd Sukor, Nor Hamizah Ab Razak (2020). Wabak Covid-19: Pengurusan aspek kesihatan mental semasa norma baharu. *International Journal of Social Science Research*, 2(4), 156-174.
- Abdul Rashid Abdul Aziz & Sharif Mustaffa. (2015). Kertas kerja bertajuk *Kegembiraan dalam kalangan pensyarah* yang dibentangkan di Simposium Kebudayaan & Kerjasama Malaysia-Indonesia, 25-27 november 2015.
- Adriana, E.S., & Selma Kadić-Maglajlić. (2018). The mediating role of health consciousness in the relation between emotional intelligence and health behaviors. *Frontiers in Psychology*, 9, 21-61.
- Ainize, P., Moira, M., & Gross, J. (2015). Integrating emotion regulation and emotional intelligence traditions: a meta-analysis. *Frontiers Psychology*, 6, 160, Doi: 10.3389/fpsyg.2015.00160
- Akinboye, J.O. (2003). Emotional intelligence, human integrity, fairness and dignity. In J.O. Akinboye (ed). *Psychological principles for success in life and workplace*. Ibadan: Stirling Horden Publishers Ltd.
- Azizi Yahaya, Yusof Boon, Jamaludin Ramli, Jaafar Sidek Latif, Fawziah Yahya & Amir Hamzah Abdul. (2004). *Psikologi Sosial*. Johor Bahru: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Brooks, S.K., Webster, R.K., Smith, L.E., Woodland, L., Wessely, S., Greenberg N., & Rubin, G.J. (2020). The psychological impact of quarantine and how to reduce it: Rapid review of the evidence. *The Lancet*, 395, 912-920.
- Caprara, G.V., Di Giunta, L., Eisenberg, N., Gerbino, M., Pastorelli, C., & Tramontano, C. (2008). Assessing regulatory emotional self-efficacy in three countries. *Psychological assessment*, 20(3), 227-237. <https://doi.org/10.1037/1040-3590.20.3.227>
- Corey, G., M. S. Corey, & P. Callahan. (1998). *Issues & ethics in the helping profession*. (5<sup>th</sup> Ed.). Pacific Grine, CA: Brooks/Cole.
- DG of Health. (2020, September 19). Situasi Semasa Jangkitan Penyakit Coronavirus 2019 (COVID-19) di Malaysia. *Kenyataan Akhbar KPK*. Dicapai dari <https://kpkkesihatan.com/2020/09/19/kenyataan-akhbar-kpk-19-september-2020-situasi-semasa-jangkitan-penyakit-coronavirus-2019-covid-19-di-malaysia/>
- D. Orem. (1991). *Nursing: Concepts of practice*. (4<sup>th</sup> ed.) In J. George (Ed.), *Nursing theories: The base for professional nursing practice*, Appleton & Lange. Norwalk: Connecticut.
- Farideh, M., Afsaneh, K., & Ahmad, K. (2018). Relationship between life skills with functional impairment and sexual satisfaction in women. *World Family Medicine*, 16(7), 41-47.
- Feldman, J. & Mulle, M. (2009). *Put emotional intelligence to work; equip yourself for success*. Alexandria, Virginia: ASTD Press.

- Gannon, N., & Ranzijn, R. (2005). Does emotional intelligence predict unique variance in life satisfaction beyond IQ and personality? *J Pers Individ*, 38(13), 53–64.
- Goleman, D. (2001). Emotional intelligence: Issues in paradigm building. *The Emotionally Intelligent Workplace*, 13, 26.
- Goleman, D., (1995) *Emotional Intelligence*. New York, England: Bantam Books, Inc.
- Gross, J. J. (2014). *Emotion regulation: conceptual and empirical foundations-Handbook of Emotion Regulation*. New York: Guilford Press.
- Gross, J. J., & Thompson, R. A. (2007). Emotion regulation: Conceptual foundations. In J. J. Gross (Ed.), *Handbook of emotion regulation* (pp. 3-24). New York: The Guilford Press.
- Hakimi, M.W. & Bashar, A.M. (2015). Emotional intelligence, self-concept & academic performance of senior secondary school students in Sokoto metropolis. *The Counsellor*, 33(2), 19-29.
- Halpern, J. (2007). Empathy and Patient-Physician Conflicts. *Society of General Internal Medicine*, 22, 696-700.
- Holmes, E. A., O'Connor, R. C., Perry, V. H., Tracey, I., Wessely, S., Arseneault, L., Ballard, C., Christensen, H., Cohen Silver, R., Everall, I., Ford, T., John, A., Kabir, T., King, K., Madan, I., Michie, S., Przybylski, A. K., Shafran, R., Sweeney, A., Worthman, C. M., Yardley, L., Cowan, K., Cope, C., Hotopf, M & Bullmore, E. (2020). Multidisciplinary research priorities for the COVID-19 pandemic: a call for action for mental health science. *The lancet. Psychiatry*, 7(6), 547–560. [https://doi.org/10.1016/S2215-0366\(20\)30168-1](https://doi.org/10.1016/S2215-0366(20)30168-1)
- Huber, M., Knottnerus, J.A., Green, L., Horst, H.V.D., Jadad, A.R., Kromhout, D., & Smid, H. (2011). How should we define health? *British Medical Journal*, 26(2), 343.
- Indrawati, Z., Istiqlaliyah, M., & Diah, K. (2017). Stressor, Social Support, Coping Strategy, Stress, and Life Satisfaction of Married Woman Student. *Journal of Family Sciences*, 2(1), 1-14.
- Kircher, T., & David, A.S. (2003). Self-consciousness: An integrative approach from philosophy, psychopathology and the neurosciences. In T. Kircher & A. S. David (Eds.), *The self in neuroscience and psychiatry*. (pp. 445–474). Cambridge, UK: Cambridge University Press.
- Kramer, A.D.I., Guillory, J.E. & Hancock, J.T. (2014). Experimental evidence of massive-scale emotional contagion through social networks. *Procas National Academy Sciences*, 111, 8788–8790.
- Lavalekar, A., Kulkarni, P., & Jagtap, P. (2010). Emotional intelligence and marital satisfaction. *Journal of Psychosocial Research*, 5(2), 185.
- LeDoux, J. (2012). Rethinking the Emotional Brain. *Neuron*, 73, 653–676.
- Lerner, J.S., Li, Y., Valdesolo, P., & Kassam, K.S. (2015). Emotion and Decision Making. *The Annual Review of Psychology*, 66, 33.
- Lidah Pengarang. (2020, Mei 5). Bendung pengangguran akibat wabak Covid-19. *Sinar Harian*. Dicapai dari <https://www.sinarharian.com.my/article/82004/SUARA-SINAR/Lidah-Pengarang/Bendung-pengangguran-akibat-wabak-Covid-19>
- Li, Q., Guan, X., Wu, P., Wang, X., Zhou, L., Tong, Y., Ren, R., Leung, K., Lau, E., Wong, J. Y., Xing, X., Xiang, N., Wu, Y., Li, C., Chen, Q., Li, D., Liu, T., Zhao, J., Liu, M., Tu, W., Feng, Z. (2020). Early Transmission Dynamics in Wuhan, China, of Novel Coronavirus-Infected Pneumonia. *The New England journal of medicine*, 382(13), 1199–1207. <https://doi.org/10.1056/NEJMoa2001316>
- Macran, S., Stiles, W.B., & Smith, J.A. (1999). How does personal therapy affect therapists' practice? *Journal of Counseling Psychology*, 46, 419-431.
- Matarese, M. Lommi, M.G. De Marinis, B., & Riegel. (2018). A systematic review and integration of concept analyses of self-care and related concepts. *Journal of Nursing Scholarship*, 50(3), 296-305.
- Matthews, G., Zeidner, M., & Roberts, R. (2017).



- Emotional Intelligence, Health, and Stress*. 10.1002/9781118993811.ch18.
- McWalters, M., Roger, M., Tennat, M., Millard, S., Colligwood, V., Evans, M., Souter, J., Dawes, L., O'Connor, D., Scoufis, M., Euson, B., Bragg, B., & McSpedden, M. (1990). *Understanding Psychology*. Australia: McGraw-Hill Book Company.
- Mizan Adiliah Ahmad Ibrahim & Asma Abdul Rahman. (2003). Menangani 'Communication Breakdown' dalam Keluarga. *Kertas Kerja Prosiding Seminar Kebangsaan Kaunseling Perspektif Islam*. Universiti Utara Malaysia.
- Mobbs, D., Hagan, C. C., Dalgleish, T., Silston, B. & Prévost, C. (2015). The ecology of human fear: survival optimization and the nervous system. *Front. Neuroscience*, 9, 55.
- Mogilner, C., Kamvar, S. D., & Aaker, J. (2011). The Shifting Meaning of Happiness. *Social Psychological and Personality Science*, 2(4), 395–402.  
<https://doi.org/10.1177/1948550610393987>
- Muhammad Qadirun Nur. (2011). *Penenang Jiwa: Pengubatan dan rawatan dari Kitab Mukasyafah Al-Qulub Karya Imam Al-Ghazali*. Selangor: Thinker Sdn Bhd.
- Najah Ahmad Az Zhihar. (2015). *Mencintai Suami Jangan Sepenuh Hati*. Selangor: Kemilau Publika Sdn Bhd.
- Norcross, J. C. (2005). The psychotherapist's own psychotherapy: Educating and developing psychologists. *American Psychologist*, 60, 840-850.
- O'Connor, M. F. (2001). On the etiology and effective management of professional distress and impairment among psychologists. *Professional Psychology: Research and Practice*, 32, 345-350.
- Pena-Sarrionandia, A., Mikolajczak, M., & Gross, J. (2015). Integrating emotion regulation and emotional intelligence traditions: A meta-analysis. *Frontiers in Psychology*, 6, 160.
- Prezioso, C., Marcocci, M.E., Palamara, A.T., Chiara, G.D., & Pietropaolo, V. (2020). The "Three Italy" of the COVID-19 epidemic and the possible involvement of SARS-CoV-2 in triggering complications other than pneumonia. *J. Neurovirol*, 26, 311–323.  
<https://doi.org/10.1007/s13365-020-00862-z>
- Ratka, A. (2018). Empathy and the Development of Affective Skills. *Journal of Pharmaceutical Education*, 82(10), 71-92.
- Rethorst, C.D., Wipfli, B.M., & Landers, D.M. (2009). The antidepressive effects of exercise: a meta-analysis of randomized trials. *Sports Med*. 39(6). 491–511.
- Rosli Hussain. (2008). *Tekanan emosi dan minda*. Kuala Lumpur: Synergy Publisihing Co.
- Rosyadie Eddy Mohd Samsury. (2009). *Cinta dan Jodoh Alam Perkahwinan: Kaedah Kajian Potensi Dinamik*. Selangor: PRIMA Sdn Bhd.
- Salmon. P. (2001). Effects of physical exercise on anxiety, depression, and sensitivity to stress: A unifying theory. *Clin Psychol Rev*, 21(1). 33–61.
- Santrock, J.W. (2004). *Educational Psychology* (2<sup>nd</sup> ed.). New York: McGraw-Hill.
- Schutte, N. S., Malouff, J. M., Bobik, C., Coston, T. D., Greeson, C., Jedlicka, C., & Wendorf, G. (2001). Emotional intelligence and interpersonal relations. *The Journal of Social Psychology*, 141(4), 523–536.
- Schutte, N.S., Malouff, J.M, Hall, L.E, Haggerty, D.J, Cooper, J. T., & Golden, C. J. (1998). Development and validation of a measure of emotional intelligence. *J Pers Individ Dif*, 25, 167–177.
- Stosny, S. (2011). Self-regulation. *Psychology Today*. Retrieved from <https://www.psychologytoday.com/us/blog/anger-in-the-age-entitlement/201110/self-regulation>
- Widuri, Erlina Listyanti. (2012). Regulasi Emosi dan Resiliensi pada Mahasiswa Tahun Pertama. *Humanitas: Jurnal Psikologi Indonesia*, IX (2), 148-156.

Witte, K. & Allen, M. (2000). A Meta-Analysis of Fear Appeals: Implications for Effective Public Health Campaigns. *Health Education Behaviour*. 27, 591–615.

Yang, H. & Ma, J. (2020). How an epidemic outbreak impacts happiness: Factors that worsen (vs. protect) emotional well-being during the coronavirus pandemic. *Psychiatry Research*, 289(11), 30-45.